

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian sedar terminal feri Menumbok mengalami kesesakan terutamanya musim-musim perayaan. Apakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan kapasiti terminal tersebut termasuk membesarkan laluan jalan dan menyediakan tambahan ramp kedua pendaratan feri kendaraan seperti di Labuan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Terminal Feri Menumbok merupakan terminal di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Sabah dan dikawal selia oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS).
2. Peranan Jabatan Laut Malaysia (JLM) di dalam perkara ini adalah terhad kepada aspek keselamatan sebelum feri dan *Roll-on/Roll-off* (RORO) berlepas, seperti kawalan muatan penumpang dan keteraturan susunan kenderaan.
3. Justeru, sebarang perancangan pembangunan bagi menaik taraf terminal feri tersebut adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Sabah. Perkara ini adalah selaras dengan **Bahagian VI**,

Bab 8, Perkara 95B(1)(a), Senarai IIA, Perkara 15, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

95b. (1) Dalam hal Negeri Sabah dan Sarawak

- (a) tambahan kepada **Senarai II** yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Senarai Negeri, dan perkara-perkara yang disebut satu persatu dalamnya hendaklah disifatkan **tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama**;

Senarai IIA

15. Pelabuhan dan pangkalan, selain yang diisyiharkan sebagai pelabuhan dan pangkalan persekutuan melalui atau di bawah undang-undang persekutuan; **pengawalseliaan lalu lintas mengikut jalan air di pelabuhan dan pangkalan atau di sungai-sungai yang keseluruhannya terletak di dalam Negeri itu, kecuali lalu lintas di pelabuhan atau pangkalan persekutuan; pesisir depan.**

Sekian, terima kasih.